

Kementerian cadang pekerja diberi elaun buku

3.11 04/07/08 MS 13

KUALA LUMPUR - Kementerian

Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan mencadangkan kepada kerajaan supaya memperuntukkan elaun buku kepada kakitangan awam serta sektor swasta dalam usaha meningkatkan budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia.

Menteri berkenaan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata inisiatif itu selaras dengan matlamat negara untuk menghasilkan rakyat dan tenaga kerja yang berpengetahuan.

Beliau berkata berdasarkan hasil kajian Perpustakaan Negara, yang mendapati hanya 13 peratus rakyat Malaysia yang membaca buku dan 2.8 peratus daripada mereka membaca akhbar manakala 8.2 peratus membaca majalah, langkah serius perlu diambil untuk memperbaiki keadaan itu.

"Saya akan lihat perkara ini. Ia adalah sesuatu yang tidak mustahil untuk dilaksanakan, dan akan lebih menggalakkan masyarakat untuk lebih banyak membaca," katanya selepas perasmian Festival Membaca dan Kelab Membaca Kebangsaan 2008 di sini.